

06/08/2016 - Majlis Merakyatkan Perkhidmatan Awam Besama KSN

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Sukarti bin Wakiman,
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah,

YBhg. Puan Sri Datuk Rohani Abdullah,
Yang DiPertua PUSPANITA Kebangsaan,

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min,
Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia,

YBhg. Tan Sri Dr. Madinah bte Mohamad,
Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia,

YBhg Dato' Sri Dr. Sarifah Zaharah bt Syed Ahmad,
Ketua Setiausaha,
Kementerian Komunikasi dan Multimedia,

YBhg Dato' Sri Zainal Rahim bin Seman,
Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU),

YBhg Tan Sri Othman bin Haji Mahmood,

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,
Jabatan Perdana Menteri,

YBhg. Brigadier Jeneral Tan Sri Dr. Liew Yun Fah, Komander AW 516, Kem Kukusan Tawau,

YBhg. Datuk Borhan bin Dolah,
Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah;

YBrs. Dr. Christina Rundi,
Pengarah, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah,
YBrs. Dr. Norlimah Arshad,
Pengarah Hospital Tawau,

YBrs. Puan Sariah Mackson,
Pengetua, Kolej Jururawat Masyarakat Tawau,

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Semua Staf dan Pelatih Kolej Jururawat Masyarakat Tawau serta Staf Hospital Tawau,

Ketua-Ketua Masyarakat dan Pertubuhan Sukarela,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saudara-saudari yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin Nya, kita dapat bersama-sama pada hari ini sempena Majlis Merakyatkan Perkhidmatan Awam Bersama Ketua Setiausaha Negara di Kolej Masyarakat Tawau dan Majlis Peletakan Batu Asas Projek Naik Taraf Hospital Tawau. Majlis ini adalah kesinambungan dari cadangan Majlis Berbuka Puasa Bersama

KSN dan Majlis Peletakan Batu Asas Projek Naik Taraf Hospital Tawau pada bulan Ramadhan baru-baru ini yang terpaksa ditangguh oleh kerana perkara yang tidak dapat dielakkan.

2. Alhamdulillah, manusia merancang Tuhan menentukan, dengan hendaNya jua pada hari ini kita dapat bersama-sama dalam Majlis ini serta selamat menyempurnakan Peletakan Batu Asas Projek Naik Taraf Hospital Tawau sebentar tadi.

3. Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Jawatankuasa Kerja kerana sudi menjemput saya untuk menghadiri majlis yang amat bermakna ini. Sekalung penghargaan juga khususnya kepada pihak PUSPANITA Kebangsaan kerana turut serta dalam lawatan kerja ini serta sumbangan yang diberikan kepada para penerima termasuklah Jabatan Kerajaan, Badan Kebajikan, Rumah Warga Tua dan Rumah Kanak-kanak dan pesakit dan OKU. Saya difahamkan PUSPANITA akan memberi sumbangan kebajikan yang dianggarkan berjumlah **RM150,000.00**. Terima kasih diucapkan kepada PUSPANITA Kebangsaan.

4. Adalah diharapkan, Majlis perhimpunan seumpama ini akan dapat mengeratkan hubungan silaturahim di antara semua staf Agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Swasta, untuk saling kenal mengenali dan bertukar fikiran dan pandangan di antara satu sama lain untuk kebaikan bersama.

KERAJAAN YANG PRIHATIN

Penghargaan Kepada Jururawat

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini ini untuk turut mengucapkan Selamat Hari Jururawat Sedunia kepada para pengajar kolej, jururawat klinikal dan pelatih yang telah disambut pada 12 Mei 2016 lalu. Walaupun sambutan ini telah berlalu, saya percaya jururawat telah memberikan perkhidmatan terbaik pada setiap waktu dan berharap akan terus meningkatkan prestasi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.

6. Sehubungan ini, Kerajaan telah dan terus mengiktiraf sumbangan jururawat dalam perkhidmatan awam dengan penambahbaikan skim perkhidmatan. Saya pasti tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum mengenai 252 Skim Perkhidmatan Awam yang ditambah baik mulai 1 Julai 2016. Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan seperti Skim Jururawat Masyarakat turut terlibat dalam penambahbaikan ini. Melalui penambahbaikan skim perkhidmatan, gaji permulaan terendah Perkhidmatan Awam yang baharu ialah RM1,200.00 sebulan, iaitu lebih tinggi daripada Perintah Gaji Minimum 2016 diwajibkan di pihak swasta.

7. Saya juga berharap Kolej Jururawat Masyarakat Tawau dan kolej-kolej jururawat yang lain di seluruh negara akan terus gigih melatih dan melahirkan jururawat-jururawat berwibawa dan secara tidak langsung dapat membantu negara untuk mencapai standard World Health Organisation (WHO) iaitu 1 jururawat untuk 200 pesakit. Pada masa ini nisbah Jururawat kepada pesakit untuk Malaysia ialah 1:297.

Projek Naik Taraf Hospital Tawau

Para hadirin sekalian,

8. Hospital Tawau is *close to my heart*. Seinggakan Hospital Tawau dianggap “Hospital Angkat KSN”. Setiap kali melawat, pasti ada permintaan daripada pihak hospital untuk penambahbaikan seperti kerja-kerja naik taraf wad, laluan pejalan kaki dan pembasmian *fungus* dan sebagainya. Alhamdulillah, pada lawatan berikutnya saya melihat sendiri terdapat beberapa penambahbaikan yang positif, hasil kerjasama pihak hospital dengan jabatan dan agensi kerajaan. Tahniah di atas kerjasama semua pihak selaras dengan kerjasama Strategi Lautan Biru.

9. Sehubungan itu, melihat kepada keperluan meningkatkan kualiti kemudahan kesihatan di Tawau, maka YAB Perdana Menteri pada ucapan Belanjawan 2016 telah mengumumkan

pelaksanaan Projek Naik Taraf Hospital Tawau. Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap keperluan rakyat untuk mendapatkan kemudahan kesihatan yang terbaik.

10. Pada hari ini, bagi menunjukkan komitmen Kerajaan, saya telah menyempurnakan Majlis Peletakan Batu Asas Projek Naik Taraf Hospital Tawau. Untuk makluman, projek ini sedang dalam peringkat tender dan kerja-kerja pembinaan dijadualkan pada bulan Mac 2017 dan dijangka siap pada bulan Mac 2020.

11. Projek ini juga, akan dilaksanakan dalam kawasan Hospital Tawau, seluas 1.9 ekar daripada 16.84 ekar keluasan tapak hospital secara keseluruhan.

12. Projek menaik taraf hospital sedia ada akan menambahkan kapasiti katil hospital sebanyak 154 katil daripada 401 buah katil sedia ada. Ini untuk menampung keperluan pesakit yang semakin meningkat berdasarkan jumlah penduduk Bahagian Tawau yang dianggarkan seramai 434,600 pada tahun 2015.

13. Saya mendoakan yang terbaik kepada semua warga Hospital Tawau dan berharap agar saudara dan saudari sekalian akan terus berkhidmat dengan gigih dan cemerlang demi menabur bakti kepada rakyat dan negara. Ingatlah, bahawa setiap projek penambahbaikan yang dibangunkan tidak akan membawa erti sekiranya sumber yang terpenting sekali iaitu saudara-saudari warga Hospital Tawau sekalian tidak menggunakan fasiliti yang disediakan secara efisien dan optimum.

Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Selain daripada peningkatan infrastruktur kemudahan hospital, Kerajaan turut menawarkan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di seluruh negara. Tawau adalah antara kawasan yang terpilih bagi Projek PPA1M. Untuk itu, pemohon yang berjaya bagi Projek PPA1M

Bandar Sri Indah, Tawau telah dimaklumkan dan Majlis Perasmian dan Penyerahan Kunci PPA1M akan dilaksanakan esok.

15. Untuk pemohon yang berminat, tawaran PPA1M Taman Ria Heights, Jalan Utara Tawau bagi sejumlah 100 unit rumah teres 2 tingkat telah dibuka untuk pendaftaran melalui laman sesawang www.ppa1m.gov.my. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan yang masih belum memiliki rumah agar turut mengambil peluang ini dan membuat permohonan.

Lebuh Raya Pan Borneo

16. Saya pasti, saudara dan saudari masih ingat lagi apabila YAB Perdana Menteri telah melancarkan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah, Pakej Tawau ke Semporna pada 28 Mei 2016 di SMK Balung, Tawau. Jumlah keseluruhan jajaran Pan Borneo iaitu dari Tawau hingga ke Sindumin adalah sepanjang 1,236km dengan kos Fasa 1 sebanyak RM12.86 billion. Dengan adanya Lebuhraya Pan Borneo tanpa tol kelak, ianya akan mempercepatkan masa perjalanan dan diharapkan dapat meningkatkan tahap keselamatan perjalanan di seluruh Sabah.

UTC Tawau

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Saya juga akan melakukan Lawatan Kerja ke UTC Tawau yang sedang dalam peringkat pembinaan. Dengan adanya UTC Tawau kelak, kemudahan perkhidmatan utama Kerajaan dapat dilaksanakan di bawah satu bumbung "*One Stop Centre*" untuk masyarakat Tawau dan sekeliling.

18. UTC adalah merupakan sebuah inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang memberi penekanan kepada prinsip berkos rendah (*low cost*), berimpak tinggi (*high impact*) dan pelaksanaan yang pantas (*rapid execution*). Melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan, Kerajaan telah mengorak langkah ke hadapan dengan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Strategi Lautan (ICBOS) yang akan diadakan pada 16 hingga 18 Ogos 2016 diikuti

dengan Persidangan Dwi-Tahunan Pertubuhan Komanwel bagi Pentadbiran Awam dan Pengurusan Ke-11 (CAPAM) pada 18 hingga 20 Ogos 2016 di Putrajaya.

Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2016

19. Pada malam ini pula, bertempat di Dataran Majlis Perbandaran Tawau, YAB Timbalan Perdana Menteri akan melancarkan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2016. Mari kita bersama-sama hadir dan mengibarkan Jalur Gemilang sebagai tanda semangat kita cintakan negara, Malaysia tanah airku!

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

20. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi meluangkan waktu untuk memeriahkan majlis pada hari ini.

21. Sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Merakyatkan Perkhidmatan Awam Bersama Ketua Setiausaha Negara dan Majlis Peletakan Batu Asas Projek Naik Taraf Hospital Tawau. Saya juga ingin merakamkan penghargaan saya kepada PUSPANITA Kebangsaan atas sumbangan yang akan diberikan kepada golongan yang memerlukan sebentar nanti.

Semoga kerjasama padu seperti ini akan terus terjalin untuk kepentingan rakyat dan negara.

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal hidayah Wassalamualaikum Warrahm*

©2016 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.ipm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2069>